

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN ARI** menyatakan kejayaan, perkembangan terkini dan hala tuju di dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah 'Sifar Plastik Sekali Guna'. Apakah perkembangan inisiatif dalam memperkenalkan caj pencemaran minima untuk kegunaan plastik di kaunter premis perniagaan dan potensi pembentukan 'Persepakatan Plastik Malaysia' dengan keahlian daripada syarikat perniagaan, agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat sivil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula sejak pelancaran Pelan Hala Tuju tersebut pada tahun 2018, sehingga kini, inisiatif ini masih lagi dalam Fasa 1 pelaksanaannya sehingga tahun 2021. Dalam Fasa 1 ini, program-program utama Pelan adalah ditumpukan kepada libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan awam, swasta dan juga komuniti merangkumi kementerian dan jabatan persekutuan serta negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak industri dan komuniti masyarakat. Program berbentuk pendidikan dan kesedaran awam ini akan dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama kementerian, jabatan serta agensi berkaitan. Sebagai contoh, premis perniagaan makanan tidak lagi mengeluarkan penyedut minuman plastik kecuali atas permintaan pelanggan.

2. Di peringkat persekutuan dan negeri, Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2019 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri kepada semua kementerian, jabatan persekutuan dan negeri supaya mematuhi garis panduan langkah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di pejabat kerajaan. Langkah ini merupakan inisiatif berdasarkan kepada prinsip kepimpinan melalui teladan (*government lead by example*) bagi memastikan objektif Pelan Hala Tuju ini dapat mencapai sasarannya.

3. Kerajaan juga memperkenalkan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma iaitu mekanisme kutipan caj pencemaran bagi setiap beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna di kaunter premis kekal. Kempen ini bermula pada tahun 2019 bagi premis kekal dan akan disusuli dengan semua jenis premis perniagaan menjelang tahun 2022. Kutipan caj pencemaran ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri atau PBT yang akan digunakan untuk program dan aktiviti kelestarian alam sekitar. Garis panduan umum pelaksanaan Kempen akan diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebagai rujukan mekanisme pelaksanaan dan penguatkuasaan.

4. Selain itu, kerajaan juga menggalakkan kajian dan pembangunan bahan-bahan alternatif kepada plastik dan tidak terhad kepada produk biodegradasi dan boleh kompos sahaja.

5. Bagi memastikan pihak industri turut dapat menyumbang kepada sasaran kerajaan ini, mekanisme atau panduan pelaksanaan ekonomi kitaran akan dibangunkan sebagai panduan untuk pihak industri dan masyarakat umum beralih daripada model ekonomi linear yang turut menyumbang kepada pencemaran sisa plastik kepada model ekonomi kitaran yang dapat memanjangkan jangka hayat produk berasaskan plastik dalam kitaran ekonomi.

6. Bagi memastikan sasaran-sasaran yang dihasratkan melalui Pelan Hala Tuju ini mencapai matlamatnya, satu persepakatan yang terdiri dari kalangan jabatan dan agensi awam persekutuan, pihak industri, akademik dan badan bukan kerajaan yang berkaitan akan diformalkan sedikit masa lagi.

Sekian, terima kasih.